

Pemulihan dan Bukan Ekstradisi yang Patut Menjadi Tumpuan

Menurut artikel Malaysiakini bertajuk "*Extradition of child porn student gets green light* (Lampu hijau untuk ekstradisi pelajar disabitkan memiliki bahan lucah kanak-kanak)" bertarikh 19 Jun, Pengerusi MARA Tan Sri Annuar Musa telah mengesahkan bahawa persediaan sedang dibuat untuk mengekstradisi Nur Fitri Azmeer Nordin, pelajar Malaysia yang disabitkan kerana memiliki lebih 30,000 video dan gambar-gambar pornografi kanak-kanak di United Kingdom baru-baru ini. Beliau menegaskan bahawa MARA sedia membantu Nur Fitri dalam perkara ini "berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan" dan bahawa mereka "tidak boleh mengabaikan dia begitu sahaja".

Keprihatinan MARA terhadap Nur Fitri dalam perkara ini malangnya tidak kena tempat, dan gagal untuk mempertimbangkan keseriusan isu ini. Fokus sewajarnya adalah samada Nur Fitri sedang menerima pemulihan pedofilia yang sewajarnya di United Kingdom. Ini kerana tanpa rawatan, terdapat kemungkinan bahawa dari perbuatan memiliki video lucah kanak-kanak, boleh melarat kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang lebih membimbangkan pada masa depan. Dalam keadaan sebegini, apa yang sepatutnya diberi keutamaan oleh kerajaan Malaysia dan institusi-institusi seperti MARA adalah keselamatan dan perlindungan anak-anak kita, dan bukannya isu ekstradisi.

Kini, terdapat keraguan samada Malaysia mempunyai kepakaran mahupun infrastruktur yang secukupnya untuk membantu pesalah seperti Nur Fitri. Sekiranya dia tidak menjalani rawatan yang sepatutnya, mungkin akan mendatangkan risiko yang tinggi bukan sahaja terhadap dirinya sendiri, malah pada kanak-kanak di sekelilingnya pada masa depan. Kekurangan dalam undang-undang anti-pornografi kanak-kanak di Malaysia serta ketiadaan program pemulihan wajib yang berstruktur bermakna tiada langkah perlindungan yang sewajarnya bagi menghalang Nur Fitri dari mengulangi perbuatannya sekiranya dia pulang ke Malaysia.

Walaupun Nur Fitri serta keluarganya mungkin merasa beliau sedang diabaikan di United Kingdom, kenyataannya sebaliknya jika beliau sedang menerima rawatan berkesan di sana. Malah, kita yang menggagalkan peluang Nur Fitri untuk kembali ke pangkuan masyarakat dengan sempurna, sekiranya gopoh membawa beliau pulang ke Malaysia, memandangkan kita tidak mempunyai sistem rehabilitasi dan mekanisme memantau penjenayah pedofil yang kukuh.



Bagi kepentingan awam dan paling utama kepentingan kanak-kanak kita di Malaysia, Pusat Kesedaran Wanita atau WCC menggesa MARA untuk menimbang semula rancangan mempercepatkan ekstradisi Nur Fitri ke Malaysia. Sekiranya MARA betul-betul ingin membantu Nur Fitri berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan, kami menyeru agar mereka memastikan bahawa Nur Fitri menerima terapi pemulihan yang diperlukan dan selesai menghabiskan terapi tersebut sebelum beliau pulang ke Malaysia. MARA juga patut terus memantau perkembangannya selepas dia pulang ke negara untuk memastikan dia tidak mengulangi perbuatannya pada masa hadapan.

Joshua Teh
Pegawai Advokasi
Pusat Kesedaran Wanita (WCC), Pulau Pinang

23 Jun 2015